KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21/2/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	JAS / JMG			

Pemaju, kontraktor kuari diarah henti operasi

Bayan Lepas: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang semalam mengarahkan pemaju perumahan dan operator kuarinya di Persiaran Kelicap, Sungai Ara, di sini, menghentikan semua operasi serta-merta kerana didakwa melanggar peraturan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Notis arahan itu diberi melalui serahan tangan susulan kedua-duanya didapati masih menjalankan aktiviti kuari selepas tempoh sah Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) tamat pada 7 Disember tahun lalu.

Pengarah JAS Pulau Pinang, Sharifah Zakiah Syed Sahab, berkata selepas tempoh terbabit, JAS menerima aduan penduduk yang tinggal kira-kira 70 meter dari tapak itu mengenai kuari masih beroperasi serta menimbulkan kacau ganggu.

Beliau berkata, hasil intipan menggunakan dron dan siasatan bersama pasukan penguat kuasa, kedua-duanya didapati masih menjalankan aktiviti pemecahan batu serta menggunakan meriam air sehingga menghasilkan bunyi bising dan menimbulkan kacau ganggu terhadap penduduk berdekatan.



Kuari di Persiaran Kelicap diarah henti operasi serta-merta kerana didakwa melanggar peraturan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. (Foto ihsan JAS Pulau Pinang)

"Pemaju dan kontraktor kuari turut dipanggil serta dinasihatkan mematuhi arahan JAS supaya tidak menjalankan aktiviti kuari selepas tempoh kelulusan laporan EIA itu tamat.

"Tapak terbabit juga pernah menerima beberapa Notis Arahan dan Notis Berhenti Kerja sepanjang tempoh operasi atas isu kacau ganggu yang sama," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Tapak terbabit mendapat kelulusan bagi membangunkan projek perumahan mengikut kontur pada 18 Ogos 1994, tetapi berikutan tertangguh beberapa kali, pemaju mendapatkan pelanjutan tempoh menjalankan kuari antara 2013 hingga 2021.

Namun, tempoh kuari itu tidak dilanjutkan lagi selepas zon penampan terkini tidak mencukupi sehingga mencetuskan puluhan aduan berterusan daripada penduduk setempat berkaitan isu gegaran, bunyi bising, habuk, runtuhan dan serpihan batu.

Mengulas lanjut, Sharifah Zakiah berkata, menerusi notis itu juga, JAS mengarahkan pemaju mengemukakan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi aktiviti perumahan mengikut kontur dalam tempoh enam bulan jika masih berminat menjalankan aktiviti berkenaan.

Jika tidak dikemukakan dalam tempoh ditetapkan, beliau berkata, pemaju itu dianggap tidak berminat meneruskan aktiviti perumahan.

"Sebarang permohonan pada masa akan datang tertakluk kepada keperluan menjalankan kajian EIA yang baharu dan tiada sebarang kerja dibenar dijalankan di tapak sehingga EMP dikemuka serta disahkan oleh JAS.

"Berikutan tapak itu tertakluk kepada kelulusan EIA, tiada aktiviti boleh dijalankan selepas tempoh kelulusan pengkuarian mengikut Perintah EIA tamat dan tidak dilanjutkan walaupun tapak masih ada permit serta kelulusan kerja tanah yang dikeluarkan agensi lain.

"JAS kini dalam proses penyediaan kertas siasatan bagi membawa pemaju serta kontraktor ke mahkamah atas kesalahan mengikut Seksyen 34A, Seksyen 31 dan Seksyen 38 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya.

BH 210222_15